

05/12/1999

Rebut peluang hasil pemulihan ekonomi: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peluang kini terbuka luas untuk direbut oleh sektor koperasi di negara ini, hasil pemulihan ekonomi negara daripada serangan kegawatan.

Perdana Menteri berkata, terpulang kepada koperasi untuk mengambil kesempatan dalam sektor perniagaan, sama ada di dalam negara mahupun di peringkat global.

Dr Mahathir berkata, pergerakan koperasi boleh membantu pertumbuhan ekonomi kerana kegiatan koperasi mempunyai keunikan tersendiri yang menekan semangat kerjasama di kalangan anggotanya.

"Ini perlu dijadikan eset penting oleh setiap koperasi dengan menambah keanggotaan dan bekerjasama dalam segala bidang yang diceburi.

"Dengan kekuatan ini, saya yakin koperasi yang sedia ada mampu bersaing dengan sektor lain," katanya dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke-77 dan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke-16, di Kelana Jaya, dekat sini semalam.

Menurut Perdana Menteri, sebagai badan induk koperasi di negara ini, Angkasa telah berjaya memainkan peranannya menyediakan perkhidmatan untuk ahli serta mendidik masyarakat mengenai kepentingan pergerakan itu.

"Saya berharap gerakan koperasi di negara ini akan terus meningkat maju dan berganding bahu bersama kerajaan membangunkan ekonomi negara.

(END)